



BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat

KUALITI KEUTAMAAN KAMI



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjkita



smartpj

BIL. 5/2019

• : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

: 03-7958 2695

: media@mbpj.gov.my

PERCUMA



Berita Penuh MS. 3

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM



» MAJLIS SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI 2019 DAN MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN

Seramai 23 orang pelajar telah menerima hadiah berbentuk wang tunai atas prestasi cemerlang yang dicapai dalam peperiksaan.

Berita Penuh MS. 04



» PENGUATKUASAAN PEMATUHAN SYARAT BERLESEN BAZAR RAMADAN 2019

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memperketat tindakan penguatkuasaan terhadap pematuhan syarat-syarat berlesen di bazar Ramadhan dengan menggunakan Sistem Demerit.

Berita Penuh MS. 08

Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my Majlis Bandaraya Petaling Jaya pjcitycouncil pjkita smartpj

PENAUNG
Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar

PENASIHAT
Johary Bin Anuar
Haniza Binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim Bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar Bin Muhamad Mukhtar
Muhammed Azmi Bin Yusoff
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyana Edurar Binti Mazelan
Mohammad Shahi Bin Badlishah
Ainur Khairunnisa Binti Zulkifli

JURU GAMBAR
Rusdi Bin Mohammed Halik
Intan Khairana Binti Md. Zali
Salimey Bin Abu Bakar

PEREKAA GRAFIK
Shamsul Bahrin Bin Abdul Mutalib
Badrul Hisham Bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin Binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tel: 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206
Fax: 03-7958 2695 Email: media@mbpj.gov.my

PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar
Datuk Bandar
Tel: 03-7956 3544 samb. 325

Johary Bin Anuar
Timbalan Datuk Bandar
Tel: 03-7956 3544 samb. 323

TPR. Hjh. Sharipah Marhaini
Binti Syed Ali
Timbalan Setiausaha / Pengarah,
Jabatan Perancangan
Pembangunan
Tel: 03-7955 2562

Mohd Rosnani Bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel: 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli Binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbadanan
Tel: 03-7955 2354

Ir. Ismail Bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel: 03-7958 7993

Datin Sr. Amreeta Kaur
A/p Pretham Singh
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta
Tel: 03-7955 2428

Aznan Bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan
Tel: 03-7960 3293

Hamidah binti Hj. Ariffin
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel: 03-7956 3544 samb. 252

Zuraidah Binti Sainan
Pengarah,
Jabatan Lanskap
Tel: 03-7804 8906

Mohd Fauzi Bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan
Tel: 03-7958 8081



PETALING JAYA
HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my



Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah mengadakan program Hero Hijau Ramadan 2019 sepanjang bulan Ramadan pada tahun ini. Ia juga selaras dengan pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC).

Program Hero Hijau Ramadan menggalakkan para pembeli dan pengunjung bazar Ramadan, membeli juadah makanan dengan membawa bekas makanan sendiri ke bazar Ramadan. Pada masa yang sama, Jabatan juga memasang gegantung berkenaan penjimatan pembelian makanan secara berhemah dan berwaspada.

Jabatan turut mengenal pasti Hero Hijau Ramadan dalam kalangan pengunjung. Bagi tujuan ini, tafsiran Hero Hijau Ramadan adalah meliputi orang ramai yang mengunjungi bazar Ramadan dan membuat pembelian dengan kaedah seperti berikut :

- ▶ Membawa bakul atau beg kitar semula atau bekas makanan sendiri dan yang boleh diguna semula.
- ▶ Tidak memerlukan apa-apa bungkusan daripada penjaja bagi sebarang pembelian makanan atau minuman yang dibeli.
- ▶ Tidak menggunakan atau meminta "single use straw".
- ▶ Lain-lain tingkah laku atau tabiat membeli-belah mesra alam yang ditunjukkan ketika ditemui.

Bagi tujuan pelaksanaan, skuad Hero Hijau Ramadan dalam kalangan kakitangan Bahagian 3R, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah ditubuhkan. Skuad ini akan melawat Bazar Ramadan di bawah seliaan MBPJ secara berkala mulai jam 4.30 petang sehingga 6.30 petang.

Pengunjung bazar yang dikenal pasti dan boleh dianugerahkan sebagai Hero Hijau Ramadan akan diberikan cenderahati dan dimohon bergambar dengan memegang rangka Instagram prop. Foto setiap pemenang akan dimuat naik ke laman sosial Majlis sebagai tanda perakuan dan motivasi kepada masyarakat lain. Bagi penjaja pula, keputusan akan diumumkan setelah tamat tempoh bazar Ramadan.

Dengan adanya program ini, ia dilihat dapat memberi kesedaran awam bagi mengubah sikap masyarakat melalui pendekatan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam atau "Communication, Education, and Public Awareness (CEPA)".



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN AIDILFITRI 2019 / 1440H

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF

azmiyusoff@mbpj.gov.my



Prihatin dengan golongan kurang berasib baik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim dan Penyampaian Sumbangan Aidilfitri 2019 / 1440H bertempat di Surau Nur Ehsan, Ibu Pejabat MBPJ.

Program ini merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh MBPJ yang bertujuan untuk meraikan golongan yang kurang berasib baik di samping mengambil peluang melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan dalam bulan Ramadan. Program ini juga sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat MBPJ dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Seramai 150 orang anak yatim dari Kota Damansara serta anak kakitangan MBPJ telah menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM 150.00 setiap seorang berserta peralatan sekolah seperti beg, alat tulis dan biskut raya.

Majlis penyampaian sumbangan telah disampaikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar. Turut hadir En. Zamri bin Mohamad, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya serta para pegawai MBPJ.



Datuk Bandar, Dato' Mohd Sayuthi Bakar dan Ahli Majlis Zon 23, Zamri Mohamad menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak-anak yatim.



Dato' Mohd Sayuthi Bakar, Datuk Bandar, Johary Bin Anuar, Timbalan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis MBPJ, bergambar bersama-sama penerima sumbangan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri.

MAJLIS SUMBANGAN *Hari Raya Aidilfitri* 2019 DAN MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 2019 bertempat di Dewan Banquet, Dewan Sivik MBPJ, pada 28 Mei 2019.

Penganjuran majlis ini merupakan program tahunan yang dilaksanakan oleh MBPJ bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara pengurusan tertinggi dan warga kerjanya. Seperti kelaziman, sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri, MBPJ akan memberi sumbangan kain batik, kain pelikat dan bubur lambuk kepada 2,100 kakitangan Majlis sebagai amalan tradisi setiap tahun bagi menghargai komitmen kerja yang ditunjukkan sepanjang berkhidmat dengan Majlis.

Selain itu, Majlis turut menyampaikan sumbangan wang tunai RM 200.00 dan baucar membeli belah di Mydin sebanyak RM200.00 kepada 90 orang terdiri daripada ibu tunggal, keluarga yang mempunyai anak ramai dan keluarga yang mempunyai anak kurang upaya yang tinggal di kawasan PPR Kota Damansara, PPR Lembah Subang, Desa Mentari, Taman Medan, Taman Dato' Harun dan lain-lain kawasan di Petaling Jaya. Majlis mengharapkan pemberian yang dihulurkan itu dapat meringankan beban tanggungan golongan itu sempena persiapan Hari Raya Aidilfitri.

Dalam pada masa yang sama, turut diadakan Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pelajar bagi anak-anak kakitangan MBPJ. Seramai 23 orang telah menerima hadiah berbentuk wang tunai atas

prestasi cemerlang dalam peperiksaan. Seramai 6 pelajar cemerlang UPSR menerima (RM300.00), 10 pelajar cemerlang PSRA menerima (RM300.00) dan 7 pelajar cemerlang PT3 (RM500.00). Semoga sumbangan yang diberikan itu menjadi dorongan kepada pelajar-pelajar untuk terus berusaha dengan tekun, lebih bersungguh-sungguh dan gigih demi mencapai kejayaan yang cemerlang pada masa akan datang.

Majlis penyampaian sumbangan telah disampaikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar.



Datuk Bandar, Dato' Mohd Sayuthi Bakar, menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Pelajar bagi anak-anak kakitangan MBPJ yang cemerlang dalam peperiksaan.



Turut memberi sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada orang awam di sekitar Petaling Jaya.



Dato' Mohd Sayuthi Bakar, Datuk Bandar Petaling Jaya, melakukan demonstrasi pemeriksaan kebersihan kepada peniaga bazar Ramadan.

PEMANTAUAN BAZAR RAMADAN 2019

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR

hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Pada tahun 2019, sebanyak 18 lokasi bazar Ramadan telah diluluskan. Bagi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, terdapat 2 unit Jabatan yang terlibat dalam pemeriksaan bazar iaitu Unit Pengawal Kelebihan Penjaja dan Peniaga Kecil dan Unit Kawalan Mutu Makanan.

Jabatan akan membuat pemantauan terhadap pematuhan syarat-syarat berkaitan kesihatan dan kebersihan pengendali makanan. Objektif Jabatan adalah untuk memastikan setiap peniaga mematuhi syarat kesihatan bagi menjamin keselamatan, kesihatan awam serta terhindar daripada berlakunya wabak penyakit bawaan air dan makanan. Satu lokasi bazar akan diperiksa sekurang-kurangnya 4 kali sepanjang tempoh bazar pada tahun ini. Sehingga 24 Mei 2019, sejumlah 611 notis telah dikeluarkan kepada peniaga.

PENAMBAHBAIKAN KE ATAS PROSEDUR PENUTUPAN DAN PEMBUKAAN PREMIS MAKANAN YANG DIKENAKAN TINDAKAN PENUTUPAN DI BAWAH AKTA/UNDANG-UNDANG KECIL

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF

azmiyu@mbpj.gov.my

Kebenaran membuka semula perniagaan selepas tindakan penutupan ke atas premis makanan kotor dibawah UUK 62 Undang-undang Kecil Pelesenan Establisemen Makanan (MBPJ) 2007, adalah bergantung kepada tempoh masa syarat-syarat notis dipatuhi oleh pengusaha premis.

Namun, tindakan pembukaan semula premis ini terutama yang melibatkan tempoh singkat (2-3 hari selepas penutupan) seringkali menimbulkan persepsi kurang baik ke atas Majlis dan kakitangan yang bertugas apabila pengusaha premis makanan tidak menitikberatkan isu kebersihan dan kesihatan.

Satu kertas kerja telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan pada 14 Mei 2019. Mesyuarat telah memutuskan akan menggunakan pakai prosedur ini berkuatkuasa 1 Jun 2019. Prosedur baru adalah seperti berikut:

- Pada mana-mana keadaan dan masa suatu premis makanan diarahkan tutup untuk kali pertama, pengusaha premis boleh memohon secara bertulis kepada pegawai diberi kuasa untuk tindakan pembukaan oleh pegawai yang diberi kuasa (setelah pegawai berpuas hati dengan tindakan pembetulan yang diambil oleh pengusaha premis makanan).
- Pada mana-mana keadaan dan masa sekiranya premis tersebut diarahkan tutup untuk kali kedua (2), tempoh minimum penutupan wajib yang dicadangkan ialah tujuh (7) hari sebelum pemeriksaan semula dilakukan oleh pegawai diberi kuasa; dan
- Pada mana-mana keadaan dan masa sekiranya premis tersebut diarahkan tutup untuk kali ketiga (3), tempoh minimum penutupan yang dicadangkan ialah empat belas (14) hari sebelum pemeriksaan semula dilakukan oleh pihak diberi kuasa.

Sekiranya suatu premis makanan tersebut telah dikenakan penutupan sebanyak tiga (3) kali, maka dalam tempoh tersebut juga Jabatan akan merujuk ke Jabatan Pelesenan untuk cadangan mengeluarkan 'Surat Tunjuk Sebab Mengapa Lesen Tidak Boleh Dibatalkan' kepada pengusaha premis berkenaan.

Kebenaran membuka semula bagi kes penutupan kali ke-3, pengusaha premis perlu mematuhi syarat notis dan memperolehi jawapan kepada maklum balas daripada Jabatan Pelesenan.

Sekiranya pengusaha premis ingkar serta gagal memberikan maklum balas surat tunjuk sebab atau rayuannya ditolak oleh Majlis, maka tindakan pembatalan lesen perniagaan ke atas premis makanan tersebut akan diambil.

Sebagai tambahan, bagi suatu premis makanan yang telah dikenakan sebanyak tiga (3) kali penutupan dan masih berlaku pelanggaran yang serius, maka tindakan pembatalan lesen perniagaan adalah dicadangkan.



SKIM REBAT CUKAI TAKSIRAN BAGI PEMILIK RUMAH MESRA ALAM HIJAU BERKARBON RENDAH PETALING JAYA 2019

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdulhakim@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menerima pakai Kerangka Kerja *Low Carbon Cities Framework* yang disediakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (MESTECC) dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) sebagai panduan menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah pada 14 Disember 2010. Susulan itu, pasukan petugas *Low Carbon Green City of Petaling Jaya* telah ditubuhkan untuk merangka pelan tindakan, dasar dan program yang berkaitan antaranya ialah skim rebat cukai taksiran bagi pemilik rumah mesra alam hijau berkarbon rendah.

Skim insentif dalam bentuk rebat cukai taksiran kepada pemilik rumah mesra alam hijau dan mampan di kawasan Petaling Jaya merupakan antara inisiatif yang telah disyorkan dan diluluskan oleh MBPJ pada 28 Julai 2011 untuk dilaksanakan. MBPJ menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di benua Asia melaksanakan skim seumpama ini. Susulan itu, pada November 2013, skim ini telah dianugerahkan 'Green Apple Award' oleh The Green Organisation di London, England.

Skim ini bertujuan menggalakkan penduduk menjalani gaya hidup yang mesra alam seterusnya menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah. Rebat cukai taksiran ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam dan hijau dari segi aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan dan pengangkutan.

Skim ini juga telah dipilih oleh kerajaan Malaysia melalui MESTECC untuk dijadikan sebagai projek rintis pelaksanaan projek *Green Technology Application For Low Carbon Cities (GTALCC)* yang merupakan projek pembangunan inisiatif teknologi hijau di Malaysia bersama-sama United Nation Development Programme (UNDP) selama 5 tahun. Pemilihan skim rebat ini bertujuan untuk Kerajaan Persekutuan merangka strategi memperluas pelaksanaan inisiatif ini ke seluruh negara.

Menerusi skim ini, rebat cukai yang ditawarkan adalah maksimum 100% cukai taksiran tahunan atau RM500.00 mana yang lebih rendah mengikut peratusan seperti jadual berikut:

ASPEK	INSENTIF
TENAGA	REBAT MAKSIMUM 40%
Pemasangan solar heater	20%
Penjanaan tenaga elektrik dengan solar panel ataupun sumber tenaga pembaharuan lain	20%
Pemasangan sekurang-kurangnya 70% lampu LED dalam rumah/lampu/mentol jimat tenaga	20%
Penggunaan kelengkapan / peralatan elektrik 5 bintang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia kecuali kipas angin.	20%
Roof Insulation	20%
Jumlah penggunaan elektrik adalah kurang daripada 112 kwatt/jam/kapita/bulan	20%
AIR	REBAT MAKSIMUM 40%
Pemasangan sistem pengumpulan air hujan	20%
Sistem kitar semula air sisa buangan	20%
Jumlah penggunaan air kurang daripada 202 liter/kapita/hari	25%
Alat penjimat air (kurangkan vol/min)	20%
Pemasangan flush box kurang daripada 6 liter	20%

SISA BUANGAN	REBAT MAKSIMUM 40%
Pengkomposan sisa/pembuatan eco-enzim	25%
Recycle (Pengasingan sisa untuk tujuan kitar semula)	25%
Re-use (Barangan yang digunakan semula)	25%
Reduce of resources (Pengurangan penggunaan sumber)	25%
PENGANGKUTAN	REBAT MAKSIMUM 30%
Memiliki dan menggunakan kereta hibrid/elektrik/motosikal elektrik / kereta NGV untuk ke tempat kerja / beriadah	20%
Menaiki pengangkutan awam / berjalan kaki / menunggang basikal untuk tujuan bekerja dan beriadah	20%
KEPELBAGAIAN BIOLOGI	REBAT MAKSIMUM 30%
Lebih daripada 50% Liputan keluasan rumah adalah landskap lembut / hijau (landed property)	20%
Significant planting (rumah bertingkat)	20%
Landskap hijau lembut di hadapan rumah ataupun perimeter planting sekurang-kurangnya 2 meter dan ke atas	20%

Statistik Skim Rebat Cukai Taksiran Bagi Pemilik Rumah Mesra Alam Hijau MBPJ.

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	LAYAK MENERIMA REBAT	TIDAK LAYAK	REBAT 100%	JUMLAH REBAT
2011	49	49	-	13	RM18,184.43
2012	71	65	6	15	RM20,159.25
2013	106	57	9	24	RM32,602.85
2014	152	142	10	37	RM47,842.15
2015	148	135	13	18	RM43,664.54
2016	123	111	12	9	RM20,181.60
2017	76	76	-	8	RM20,740.55
2018	619	605	14	96	RM211,005.11

**Jumlah keseluruhan pemberian rebat dari 2011 hingga 2018 = RM414,380.48

Sehubungan dengan itu, MBPJ pada 24 Mei 2019 telah melancarkan Skim Rebat Cukai Taksiran Bagi Pemilik Rumah Mesra Alam Hijau Berkarbon Rendah Petaling Jaya Tahun 2019. Borang permohonan boleh diperolehi di kaunter Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Tingkat 20, Menara MBPJ atau memuat turun dari laman web rasmi www.mbpj.gov.my. Setiap permohonan akan di nilai oleh panel penilai bebas yang dilantik oleh Majlis. Pemohon yang layak akan menerima rebat yang dikreditkan terus dalam akaun cukai taksiran pemilik rumah pada tahun hadapan. Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Julai 2019.



Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSSPA), Lee Li Shyan bergambar bersama-sama wakil penduduk.

KES DENGGI DI PETALING JAYA

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

BILANGAN HOTSPOT ME 20 (18/5/2019)

SURIAN KONDO PJU 7	1
FLAT PELANGI PJU 6 (BLOK A,B,C)	2
PPRT PJU 1A (BLOK A,B,C)	3
PALM SPRING KONDO PJU 3 (BLOK A,B,C)	4
PALM SPRING KONDO PJU 3 (BLOK D,E,F)	5
GUGUSAN SEMARAK SEK 4 PJU 5	6
GUGUSAN KEMUNING SEK 8 PJU 5	7
GUGUSAN KESUMBAR SEK 8 PJU 5	8
SS 1 (TERES A) [JLN SS 1/38, 1/36, 1/34, 1/30, 1/28, 1/32, 1/26]	9
SS 3 (TERES E) [JLN SS 3/29, 3/78, 3/76, 3/74, 3/72, 3/70, 3/68, 3/66, 3/33, 3/35, 3/37, 3/64A, 3/64]	10
TAMAN SRI SUBANG PJS 10	11
RIDZUAN KONDO PJS 10	12
SURIA MAS KONDO PJS 10	13
FLAT DESA MENTARI PJS 6 (BLOK 1,2,3)	14
MENTARI COURT PJS 8	15
APT MEDAN CAHAYA PJS 2C	16
APT MEDAN JAYA PJS 2	17

Laporan kes demam denggi yang dilaporkan sehingga minggu epid 20 adalah sejumlah 2681. Ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 333 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 803 kes. Walau bagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling.

Tiada kes kematian terbaru dilaporkan. Lokaliti wabak *hotspot* yang aktif dilaporkan sehingga ME 20 (18/5/2019) di kawasan pentadbiran Majlis adalah sebanyak 17 lokaliti, manakala *hotspot* terkini dilaporkan pada ME 21 (21/5/2019) sebanyak 18 lokaliti wabak yang dilaporkan.

BILANGAN HOTSPOT ME 21 (21/5/2019)

SURIAN KONDO PJU 7	1
FLAT PELANGI PJU 6 (BLOK A,B,C)	2
PPRT PJU 1A (BLOK A,B,C)	3
PALM SPRING KONDO PJU 3 (BLOK A,B,C)	4
PALM SPRING KONDO PJU 3 (BLOK D,E,F)	5
GUGUSAN SEMARAK SEK 4 PJU 5	6
APT LANTAN BIRU SEK 8 PJU 5	7
GUGUSAN KEMUNING SEK 8 PJU 5	8
GUGUSAN KESUMBAR SEK 8 PJU 5	9
SS 1 (TERES A) [JLN SS 1/38, 1/36, 1/34, 1/30, 1/28, 1/32, 1/26]	10
SS 3 (TERES E) [JLN SS 3/29, 3/78, 3/76, 3/74, 3/72, 3/70, 3/68, 3/66, 3/33, 3/35, 3/37, 3/64A, 3/64]	11
TAMAN SRI SUBANG PJS 10	12
RIDZUAN KONDO PJS 10	13
SURIA MAS KONDO PJS 10	14
FLAT DESA MENTARI PJS 6 (BLOK 1,2,3)	15
MENTARI COURT PJS 8	16
APT MEDAN CAHAYA PJS 2C	17
APT MEDAN JAYA PJS 2	18

KAWASAN WABAK DENGGI



JAGALAH KEBERSIHAN KAWASAN PERUMAHAN ANDA
KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB SEMUA
Musnahkan Tempat-tempat Pembibitan
Nyamuk Aedes

Bersama-sama Dengan MBPJ
Untuk Menghapuskan Nyamuk Aedes



Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran
Tel : 03-7955 2381 / 03-7956 2939





PENGUATKUASAAN PEMATUHAN SYARAT BERLESEN BAZAR RAMADAN 2019

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR

hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memperketat tindakan penguatkuasaan terhadap pematuhan syarat-syarat berlesen di bazar Ramadan dengan menggunakan Sistem Demerit. Sistem yang dilaksanakan ini merupakan sistem pemarkahan bagi setiap kesalahan yang dilakukan oleh penjaja seperti yang termaktub dalam Undang-Undang Kecil Penjaja MBPJ (2007), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta MBPJ 2007) Pindaan 2012.

Berikut merupakan pelanggaran syarat peniaga bazar yang direkodkan hasil semakan bersepdu setakat 8 Mei 2019 iaitu peniaga tanpa lesen (4 kes), kesalahan tidak berniaga sendiri (30 kes), kesalahan tukar jenis jualan (8 kes), tidak menggunakan pembantu berdaftar (55 kes) dan kesalahan menjual petak (1 kes) telah dikeluarkan surat penjelasan.

Sistem demerit yang dilaksanakan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelanggaran syarat kritikal dan pelanggaran syarat tidak kritikal. Bagi pelanggaran syarat tidak kritikal akan dikenakan satu markah terhadap kesalahan seperti tidak mempamerkan lesen perniagaan di tempat yang mudah dilihat, berniaga melebihi tempoh waktu diberikan atau memulakan perniagaan lebih awal daripada waktunya yang ditetapkan, tidak mengikat plastik sampah dengan kemas dan tidak memakai apron, topi serta kasut.

Manakala syarat kritikal pula, dikenakan duamarkah bagi setiap kesalahan seperti tidak mempunyai sijil suntikan TY2 yang sah, mengguna khidmat pembantu/pekerja warga asing, tidak menjaga kebersihan kawasan sekitar, gagal mengambil langkah pencegahan serangga dan binatang perosak, tidak menutup makanan dan minuman, menggunakan air selain daripada bekalan air awam, mengendalikan makanan dengan keadaan tubuh terluka/kulit menggelupas, meletakkan halangan kerusi meja sewaktu berniaga, meninggalkan barang perniagaan selepas tamat berniaga, mendirikan struktur kekal di lokasi perniagaan, tidak berniaga di dalam petak yang dinyatakan dalam lesen, menyewa gerai kepada orang lain, mengguna khidmat pembantu warganegara yang tidak berdaftar dengan Majlis, tidak menyediakan tong sampah yang sesuai, tidak menjual barang seperti yang dinyatakan dalam lesen, menghalang laluan awam, membina struktur haram tanpa kelulusan Majlis dan tidak menggunakan bahan bungkus jenis *biodegradable*.

Bagi kesalahan yang dilakukan, sistem pemarkahan dan tindakan susulan akan dijalankan seperti berikut:

MARKAH	TINDAKAN
20 markah pertama ditolak	Notis pemberitahuan kepada pemegang lesen
40 markah terkumpul	Notis peringatan kepada pemegang lesen
50 markah terkumpul	Notis cadangan pembatalan kepada pemegang lesen

Kaedah pemantauan menggunakan sistem imbasan ibu jari (*thumbprint*) juga telah dilaksanakan bermula Oktober 2018. Kaedah ini memudahkan Majlis memantau dan mengenakan tindakan terhadap penjaja yang melakukan kesalahan salah guna lesen atau pindah milik lesen tanpa kebenaran. Statistik penggunaan sistem *thumbprint* sehingga bulan Mei 2019 adalah seramai 19,192 pelanggan. Manakala 3,283 pelanggan yang mempunyai masalah kerosakan mykad dan imbas ibu jari direkodkan secara manual.

Sehubungan dengan itu, tindakan pemantauan secara berjadual telah dijalankan di semua lokasi tapak bazar di Petaling Jaya bermula 6 Mei 2019. Majlis akan memfokuskan kepada tindakan pengambilan sampel makanan bagi menguji tahap kebersihan makanan serta pemantauan secara kerap pematuhan syarat-syarat lesen. Setakat dalam tempoh 3 hari Ramadan (6 Mei 2019 hingga 8 Mei 2019), Majlis telah mengenakan tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga tanpa lesen (PTL) dengan mengeluarkan jumlah kompaun (163), notis (186) dan sitaan (3). Selain itu, tindakan penguatkuasaan pengalihan kenderaan daripada tapak bazar adalah sebanyak 68 buah kenderaan.

Pada tahun ini Majlis masih meneruskan pencarian Peniaga Berintegriti Bazar Ramadan yang telah dilaksanakan selama 2 tahun bermula tahun 2017. Seramai 20 orang peniaga telah dipilih sebagai Pemenang Bazar Ramadan Berintegriti yang telah diberikan ganjaran dan kelebihan memilih nombor petak dan menerima wang tunai sebanyak RM500 setiap seorang.



Salah satu suasana Bazar Ramadan dibawah pentadbiran Petaling Jaya.



MANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menjadikan MyPortfolio sebagai Panduan Kerja Sektor Awam yang telah dikeluarkan oleh MAMPU melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 4 Tahun 2018 bagi menggantikan PKPA Bilangan 8 Tahun 1991 iaitu Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.

MyPortfolio merupakan satu dokumen rujukan rasmi yang mendokumentasikan maklumat perwujudan sesuatu jawatan dan panduan menjalankan tugas bagi jawatan tersebut (menggantikan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja). MyPortfolio juga menyumbang kepada Profil Sumber Manusia dan turut berfungsi sebagai alat pengurusan ilmu.

PKPA ini juga memperkenalkan Deskripsi Tugas bagi menggantikan Senarai Tugas dan memperjelaskan tujuan perwujudan sesuatu perjawatan dengan mengambil kira komponen akauntabiliti, dimensi dan kompetensi yang diperlukan bagi sesuatu jawatan dalam organisasi

MyPortfolio adalah satu kaedah pengurusan ilmu yang memberikan

penekanan kepada pengupayaan minda setiap penjawat awam dalam kerangka organisasi berpembelajaran (learning organisation) dan sebagai dokumen rujukan rasmi yang menghuraikan maklumat perwujudan jawatan, proses kerja dan panduan menjalankan tugas bagi jawatan tersebut dalam sesebuah organisasi juga dinyatakan dalam myPortfolio.

Ciri-ciri MyPortfolio adalah seperti yang berikut:

- ▶ MyPortfolio merupakan dokumen rujukan pada peringkat jawatan dan jabatan.
- ▶ Setiap jawatan dalam sesebuah agensi hendaklah mempunyai MyPortfolio termasuk jawatan yang belum diisi.
- ▶ MyPortfolio berasaskan bidang tugas dan tanggungjawab jawatan.
- ▶ MyPortfolio mengandungi maklumat, panduan dan rujukan dalam mengendalikan tugas yang ditetapkan bagi sesuatu jawatan.

PENAMATAN PERKHIDMATAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN MELALUI UOB PAY ONLINE

PETALING JAYA


HASBULLAH JUYAHIR

hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Makluman kepada semua pemilik hartanah di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bahawa perkhidmatan kutipan cukai taksiran melalui UOB Pay Online akan ditamatkan mulai 31 Mei 2019.

Sehubungan dengan itu, orang awam boleh menggunakan saluran bayaran atas talian (online) yang lain seperti Maybank2u, Ambank (MBF click & pay), Citibank, Ambank, RHB Bank, HSBC Bank, Hong Leong Bank, Bank Rakyat, Pos Online, Bank Islam Online, dan JomPay (Biller Code: 76737).

Diharapkan dengan adanya hebahan ini, memudahkan masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya untuk membuat pembayaran cukai taksiran. Untuk pertanyaan lanjut boleh hubungi Jabatan Perpendaraan di talian 03-79563544 sambungan 102/109 atau laman sesawang www.mbpj.gov.my atau laman sosial (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter&Instagram: @pjcitycouncil).





PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSIH SURAU AL-HUSNA



SAMBUTAN HARI PEKERJA ZON 22

TAMAN MEDAN BARU, 1 MEI 2019 - Sempena menyambut bulan Ramadan 1440H telah berlangsung program gotong-royong membersihkan Surau Al-Husna, Jalan Medan 23. Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik dan seramai 100 orang jemaah hadir menjayakan program ini.

SS7, 1 MEI 2019 - Pekerja pembersihan yang terdiri daripada kakitangan MBPJ dan kontraktor KDEB telah diraikan dalam sambutan Hari Pekerja Peringkat Zon 22. Program telah berlangsung di Masjid Nurul Yaqin dan dihadiri Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar dan MPP Zon 22.



SEKSYEN 4, 4 MEI 2019 - Pengajuran program *morning workout* bertujuan untuk menggalakkan penduduk mengamalkan cara hidup yang sihat dengan cara bersenam. Program ini telah dirasmikan Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon.



TAJAHAN BERBUKA PUASA SURAU AL-HIJRIYAH

PJS 2, 8 MEI 2019 - Ahli Majlis Zon 18, YM Raja Fairuz Raja Mazlan telah mengedarkan bubur lambuk dan menaja majlis berbuka puasa di Surau Al-Hijriyah Tapak Maha PJS 2. Turut hadir MPP Zon 18 dan Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik.



PROGRAM SUMBANGAN ANAK YATIM DAN ASNAF



MAJLIS BERBUKA PUASA ZON 4

PJS 2/21, 10 MEI 2019 - Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah menyampaikan sumbangan kepada anak yatim dan asnaf dalam majlis yang diadakan di Surau Taufiqiah, Taman Medan Cahaya. Seramai 50 orang menerima sumbangan dalam majlis yang merupakan anjuran bersama Surau Al-Hijrah Park Avenue dan Surau Taufiqiah.

PJU 1A, 12 MEI 2019 - Seramai 200 orang penduduk telah hadir dalam program berbuka puasa bersama Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan. Hadirin terdiri daripada penduduk PPR Lembah Subang 1 dan 2 serta pemimpin masyarakat tempatan



EDARAN BUBUR KACANG ZON 15

SEKSYEN 3, 13 MEI 2019 - Bertempat di perkarangan Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz telah berlangsung agihan bubur kacang kepada penduduk setempat oleh Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon. Program ini untuk memeriahkan sambutan bulan Ramadan dan mendekati masyarakat di Zon 15.



EDARAN KUIH MANIS ZON 18

PJS 2D, 15 MEI 2019 - Ahli Majlis Zon 18, YM Raja Fairuz Raja Mazlan telah mengadakan program edaran kuih manis di bazar Ramadan PJS 2D. Program yang diadakan bersama ahli MPP Zon 18 telah mendapat sambutan menggalakkan oleh pengunjung bazar dan sebanyak 300 pak berjaya diedarkan.



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM

SEKSYEN 3, 20 MEI 2019 - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon, jawatankuasa Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz dan Persatuan Penduduk Seksyen 3 Petaling Jaya telah menganjurkan majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim bagi meraikan golongan tersebut sempena bulan Ramadan. Seramai 300 orang anak yatim dan jemaah masjid hadir.



MAJLIS BERBUKA PUASA PPR LEMBAH SUBANG 1

PJU 1A - Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan telah menganjurkan majlis berbuka puasa yang telah berlangsung di Blok C PPR Lembah Subang 1. Ia untuk meraikan ibu-ibu tunggal dan asnaf.

KEMPEN BAYARAN KOMPAUN

PETALING JAYA

AHMAD ISKANDAR MOHAMAD MUKHTAR

iskandar.mukhtar@mbpj.gov.my

Sempena dengan sambutan ulang tahun bandar raya yang ke-13 pada tahun ini, Majlis akan mengadakan kempen bayaran kompaun tertunggak dan kompaun semasa bagi kesalahan lalu lintas dan tempat letak kereta sahaja dan tidak melibatkan kompaun bagi lain-lain kesalahan. Kempen bayaran kompaun ini juga tidak melibatkan keskes kompaun yang telah didaftarkan ke mahkamah.

Kempen ini diadakan bagi memberi peluang dan ruang kepada orang awam untuk membuat bayaran bagi kompaun-kompaun tertunggak dengan kadar yang minimum. Kadar bayaran bagi kompaun tertunggak adalah seperti berikut :

SEPANJANG
1 JUN 2019
HINGGA
30 JUN 2019

Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBPJ

**KEMPEN BAYARAN
KOMPAUN KESALAHAN
LALULINTAS SAHAJA**

Hubungi : Majlis Bandaraya Petaling Jaya. No. Tel : 03-7956 3544

Untuk Semakan :
JABATAN PENGUATKUASAAN. No. Tel : 03-7958 8085
atau muat turun aplikasi Smart PJ Enforcement melalui
Google Playstore dan layari laman sesawang MBPJ,
www.mbpj.gov.my

Kempen bayaran kompaun ini akan bermula pada 1 Jun sehingga 30 Jun 2019. Sehubungan dengan itu, orang ramai digesa untuk menjelaskan semua bayaran kompaun tertunggak melalui semua saluran/kaedah yang diguna pakai oleh Majlis.

Hebahan dan promosi kempen ini akan dipergiatkan melalui iklan paparan *billboard*, media cetak dan medium laman sosial Majlis. Untuk proses semakan kompaun, orang awam boleh memuat turun aplikasi pintar *Smart PJ Enforcement*, melayari laman sesawang Majlis di www.mbpj.gov.my atau menghubungi talian 03-7958 8085 sambungan 125/126 (waktu pejabat sahaja).

REBUTLAH PELUANG UNTUK MEMBAYAR KOMPAUN TERTUNGGAK ANDA

TAHUN KESALAHAN 1999 - 2016

JENIS KESALAHAN	KADAR KOMPAUN	KEMPEN PEMBAYARAN KOMPAUN
LALULINTAS	RM100.00	RM10.00
LETAK KERETA	RM100.00	RM10.00

TAHUN KESALAHAN 2017 - 2018

JENIS KESALAHAN	KADAR KOMPAUN	KEMPEN PEMBAYARAN KOMPAUN
LALULINTAS	RM100.00	RM20.00
LETAK KERETA	RM100.00	RM20.00

TAHUN KESALAHAN 2019


JENIS KESALAHAN	KADAR KOMPAUN	KEMPEN PEMBAYARAN KOMPAUN
LALULINTAS	RM100.00	RM30.00
LETAK KERETA	RM100.00	RM30.00



BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat

KUALITI KEUTAMAAN KAMI



www.mbpj.gov.my [Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#) [pjcitycouncil](#) [pjkitakita](#) [smartpj](#)

BIL. 5/2019 • ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 ☎ : 03-7958 2695 ☐ : media@mbpj.gov.my **PERCUMA**

MBPJ FC JUARA LIGA PERDANA 2 SELANGOR 2019

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

KELANA JAYA, 2 MEI 2019 – Pasukan MBPJ FC telah menjuarai Liga Perdana 2 Selangor 2019 setelah mengalahkan Gombak FA, 1-0 dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Petaling Jaya.

Jaringan pemain penyerang, Nor Iman Mazlan pada minit ke-3 telah menobatkan MBPJ FC di takhta juara setelah kali terakhir bergelar juara Liga Perdana Selangor 20 tahun yang lalu.

Dengan kejuaraan ini ia melayakkan MBPJ FC untuk beraksi pada perlawanan play off Liga Juara-juara Selangor yang bakal diadakan pada bulan Julai nanti. Kejayaan ini juga melayakkan pasukan untuk beraksi dalam Liga Super Selangor pada tahun 2020.

Perlawanan akhir ini disaksikan Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Sayuthi Bakar dan Timbalan Datuk Bandar, Johary bin Anuar.

Dua pemain MBPJ FC, Nor Iman Mazlan dan Fauzannazhif turut dinobatkan sebagai pemain terbaik perlawanan dan pemain paling bernilai kejohanan.

